

Teruja kenal budaya berbeza

120 murid AISS kongsi pengalaman dalam lawatan ke SK Kangkar Pulai

>>Oleh Mahaizura Abd Malik
am@hmetro.com.my

JOHOR BAHRU: Keunikan budaya masyarakat berbilang kaum negara ini menarik minat 120 murid Sekolah Antarabangsa Australia Singapura (AISS) berkunjung ke Sekolah Kebangsaan (SK) Kangkar Pulai 2 di sini, semalam.

Lawatan tiga hari bermula semalam itu bertujuan berkongsi perbezaan budaya dan alam persekolahan dengan murid sekolah negara ini.

Lawatan kali kedua AISS ke Malaysia turut mendapat kerjasama daripada Pulau Spring Resort yang menganjurkan pelbagai aktiviti seperti tayangan filem berkaitan kehidupan murid AISS, pembelajaran dan komunikasi Bahasa Inggeris di dalam bilik darjah dan sukan seperti bola keranjang, cangkak serta larian tarik upih.

Murid AISS, Thomas Elkovich, 9, menyifatkan dia bertuah kerana terpilih menyertai lawatan berkenaan yang dianggap sebagai pengalaman menyeronokkan.



FOTO | Zulkamain Ahmad Tajuddin

SERONOK...dua murid AISS cuba menari zapin bersama rakan di SK Kangkar Pulai.

“Saya teruja dan seronok apabila berpeluang berkunjung ke SK Kangkar Pulai dan menemui rakan sekolah lain. Ini adalah pengalaman pertama saya ke sini,” katanya.

Bagi murid SK Kangkar Pulai 2, Nor Azlina Azmi, 10, perbezaan bahasa dan budaya bukan penghalang untuk mereka mengenali antara satu sama lain.

“Pada mulanya saya agak malu dan kekok untuk bercakap dengan mereka kerana perbezaan bahasa, namun kini saya bangga kerana memiliki seorang rakan berbangsa asing.

“Kami seronok bermain bersama-sama. Saya mahu menyertai program ini lagi pada masa depan,” katanya.

Dua kanak-kanak itu ditemui pada perasmian Prog-

ram Hubungan Antara Budaya di SK Kangkar Pulai 2 yang turut dihadiri Guru Besar SK Kangkar Pulau 2, Razali Lan dan Guru Kanan AISS selaku ketua rombongan itu, Peter Allison.

Sementara itu, Razali berkata, program sedemikian perlu dijadikan peluang keemasan antara kedua-dua sekolah untuk saling berkongsi manfaat.